



SPORTS+

Product Disclosure Sheet



NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pelan **Sports+**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

1) Apakah produk ini?

Polisi ini memberi pampasan dan pembayaran balik sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang berkaitan dengan sukan atau bukan sukan yang disebabkan oleh sesuatu kejadian.

2) Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Perlindungan	Pelan A Up to (RM)	Pelan B Up to (RM)
Kematian Akibat Kemalangan & Hilang Upaya Kekal	30,000	50,000
Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan * tertakluk kepada lebih sebanyak RM50 untuk setiap tuntutan	3,000	5,000
Pembayaran Balik Peralatan Sukan * tertakluk kepada penghospitalan Orang yang Diinsurankan * perlindungan terhad, tidak termasuk haus & lusuh, kegagalan mekanikal & kecurian * tertakluk kepada lebih sebanyak 10% untuk setiap tuntutan	500	1,000

Sila rujuk jadual manfaat dan ciri penuh dalam kontrak polisi.

3) Apakah tempoh polisi?

Kami menawarkan fleksibiliti di mana anda boleh membeli perlindungan hanya untuk tempoh yang anda perlukan, dari 1 hari hingga maksimum 1 tahun. Perlindungan akan bermula sebaik sahaja anda berjaya membuat bayaran premium dalam talian dan dinyatakan dalam sijil insurans anda.

Jika anda memerlukan Perlindungan Sukan dengan cepat, anda boleh membeli polisi dari laman web kami di www.tuneprotect.com.

4) Berapakah premium yang perlu saya bayar dan bagaimana saya ingin membuat pembayaran premium?

Jumlah premium yang perlu anda bayar bergantung kepada pilihan pelan dan tempoh polisi anda. Jumlah premium adalah antara RM15.00 hingga RM350.00 (termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem). Walau bagaimanapun, kami berhak untuk menukar jumlah premium selaras dengan premium yang berkenaan pada masa pembaharuan.

Pembayaran Premium boleh dibuat secara Kad Kredit / Debit atau Perbankan Internet.

5) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj yang perlu anda bayar adalah:

- Cukai Perkhidmatan dikenakan pada premium pada kadar semasa, jika berkenaan
- Duti Setem RM10

6) Apakah yang Tidak Dilindungi?

- Ahli Sukan Profesional
- Semua bentuk seni mempertahankan diri seperti tinju, gusti, karate
- Penerbangan Aerobatik, luncur udara, terjunan sut terbang
- Lompatan BASE
- Lompat tebing, terjunan tebing dan/atau panjat tebing.
- Ekspedisi ke kawasan yang umumnya tidak dapat diakses dan terpencil di negara atau kawasan yang belum dijelajahi.
- Bola sepak Amerika, semua bentuk ragbi, peraturan Aussie dan sebagainya.
- Ski Helikopter
- Pendakian cerun atau gunung salji atau gunung ais atau alpine yang dilakukan secara solo, gaya bebas atau mendaki tanpa tali dan semua bentuk pendakian solo
- Belayar dan/atau menaiki kapal layar di luar pesisir

7) Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

• **Keperluan Pendedahan**

Menurut Seksyen 129 dan Para 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau sebarang pindaan daripadanya: anda mempunyai kewajipan pendedahan pra-kontrak dan akan mendedahkan semua perkara dalam borang cadangan ini yang anda tahu atau sepatutnya tahu atau dijangka untuk mengetahui secara munasabah yang mana berkaitan dengan keputusan syarikat untuk menerima risiko atau tidak dan kadar dan terma yang akan digunakan.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insuran anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insuran anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insuran anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Di samping, anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang maklumat yang tidak tepat atau telah berubah dalam Borang Cadangan dengan kadar segera, pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah dan/atau diperbaharui dengan kami.

• **Kecergasan Sukan**

Anda mesti berada dalam keadaan yang baik dari segi perubatan untuk menyertai sukan dan tidak boleh mengambil bahagian dalam sukan tanpa mengikut nasihat doktor.

• **Perubahan Pekerjaan**

Anda perlu memberitahu kami secara bertulis sekiranya anda menukar pekerjaan anda. Kami akan melihat pekerjaan baru anda untuk menentukan, untuk tujuan insurans, sama ada ia masih dalam kelas pekerjaan yang boleh diinsuranskan untuk polisi ini. Sekiranya pekerjaan baru anda berada di bawah pekerjaan yang dikecualikan, kami akan membatalkan polisi dan membayar balik premium anda mengikut jadual kadar pendek kami yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

8) Siapakah yang boleh membeli insurans ini?

- Hanya 18 hingga 65 tahun sahaja.
- Semua warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang mempunyai permit kerja yang sah dan alamat kediaman tetap di Malaysia atau di bawah Program Malaysia Rumah Keduaku.

9) Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Insurans ini tidak melindungi:

- a) Keadaan yang sedia wujud
- b) Perang, nuklear, senjata pemusnah besar-besaran
- c) Penyakit jangkitan seksual, HIV dan / atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS
- d) Psikosis, gangguan mental dan saraf, bunuh diri, kecederaan yang disengajakan dan mencederakan diri sendiri
- e) Apa-apa tindakan haram atau menyalahi undang-undang
- f) Jika anda bekerja di bidang berikut:
 - Sukan profesional, atau jurulatih sukan yang menyediakan latihan kepada pertandingan profesional atau kebangsaan atau negeri
 - Terbang sebagai anggota kru atau terlibat dalam sebarang operasi perdagangan atau teknikal dalam pesawat
 - Membuat pertunjukan sukan semasa anda tidak mempunyai kelayakan yang sah atau gagal mematuhi keperluan keselamatan atau kecergasan
- g) Jika anda terlibat dalam mana-mana sukan yang disebutkan di bawah:
 - Semua bentuk seni mempertahankan diri tidak terhad kepada tinju, gusti, karate dan seumpamanya apabila anda mengambil bahagian dalam pertandingan sama ada sebagai seorang amatir atau professional
 - Penerbangan Aerobatik, luncur udara, terjunan sut terbang
 - Lompatan BASE
 - Lompat tebing, terjunan tebing dan/atau panjat tebing
 - Ekspedisi ke kawasan yang umumnya tidak dapat diakses dan terpencil di negara atau kawasan yang belum dijelajahi
 - Bola sepak Amerika, semua bentuk ragbi, peraturan Aussie dan sebagainya.
 - Ski Helikopter
 - Pendakian cerun atau gunung salji atau gunung ais atau alpine yang dilakukan secara solo, gaya bebas atau mendaki tanpa tali dan semua bentuk pendakian solo
 - Belayar dan/atau menaiki kapal layar di luar pesisir
- h) Pekerjaan Dikecualikan disebut di bawah:
 - Anggota tentera, angkatan udara dan angkatan laut sepenuh masa;
 - Anggota polis dan pertahanan awam;
 - Jurugambar udara;
 - Pelumba motosikal, penghibur dan pengawal keselamatan bersenjata
 - Pekerja manual tidak kira sama ada mana-mana jentera atau alatan digunakan termasuk tetapi tidak terhad kepada tukang kayu, pekerja binaan dan pembantu dapur;
 - Pekerja pelantar luar pesisir, penyelam, anggota bomba dan nelayan;
 - Bekerja di atas kapal laut atau pesawat udara seperti kru udara, kru kapal dan pekerja limbungan kapal;
 - Bekerja pada ketinggian melebihi 30 kaki termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti membina bumbung, pada perancah atau gondola;
 - Pekerja lombong atau bawah tanah, dalam terowong atau kuari;

- Mana-mana pekerjaan yang berkaitan dengan bahan letupan, peluru atau bahan berbahaya;
- Pemandu Lumba;
- Penghibur sarkas;
- Wartawan perang.

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.)

10) Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda hanya boleh membatalkan polisi anda jika ia merupakan pelan tahunan, pada notis empat belas (14) hari kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak untuk mendapatkan pembayaran balik premium untuk tempoh Polisi telah berkuatkuasa, mengikut jadual kadar pendek kami yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

11) Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan/peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam profil anda termasuk usaha peribadi yang akan mempengaruhi profil risiko.

12) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No: 197601004719 (30686-K)

Tingkat 9, Wisma Tune,

No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights,

50490, Kuala Lumpur,

Malaysia.

No Tel: 1800 88 5753

Faks: 03-20941366

Emel: hello.my@tuneprotect.com

Laman Web: www.tuneprotect.com



NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memperhatikan bayaran manfaat untuk kematian dan kecacatan dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan wakil jualan atau menghubungi kami secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang digunapakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tune Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 31 Mar 2020.